

08 JUL 1996

Tambak

CADANGAN MALAYSIA TIDAK MENGEJUTKAN, KATA GOH

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 8 Julai (Bernama) -- Cadangan Malaysia untuk merobohkan Tambak Johor dan menggantikannya dengan sebuah jambatan tidak mengejutkan, kata Perdana Menteri Goh Chok Tong.

Laporan media hari ini memetik Goh sebagai berkata langkah untuk memperbaiki pengaliran air di Selat Johor pernah dibincangkannya bersama-sama Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Goh berkata satu cadangan ialah untuk menebuk lubang ke dalam Tambak itu, yang menghubungkan Johor Baharu dan Woodlands di Singapura, tetapi ia tidak diteruskan selepas dipersetujui bahawa langkah itu tidak berkesan.

Ini merupakan kali pertama Perdana Menteri Singapura mengulas mengenai cadangan rakan sejawatannya dari Malaysia untuk menggantikan Tambak sepanjang 1.2 kilometer itu, yang dibina oleh Britain pada 1923 dan dibuka pada tahun 1924, dengan sebuah jambatan.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan kemungkinan itu semasa beliau melancarkan projek JB Waterfront City berharga RM6,000 juta di Johor Baharu Jumaat lepas.

Goh berkata Singapura belum lagi dimaklumkan secara rasmi berhubung cadangan untuk menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan.

Beliau bagaimanapun berkata republik itu akan mengkajinya apabila satu cadangan rasmi dikemukakan.

Timbalan Perdana Menteri Brig Jen Lee Hsien Loong memberitahu stesen radio dan televisyen Singapura Sabtu lepas bahawa cadangan Malaysia itu sangat "menarik dan Singapura akan mengkajinya".

Kedua-dua negara juga bekerjasama dalam membangunkan hubungan kedua melalui jambatan yang menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura, yang dijangka siap akhir tahun depan.

-- BERNAMA

THG AKD